

# Timba pengalaman di Aceh

Penuntut Kuipsas turut melaksanakan khidmat bakti

NORAWAZNI YUSOF

Seramai 44 penuntut Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Kuipsas) berpeluang menimba pengalaman dan pengetahuan pada sesi lawatan ke Aceh, Indonesia, baru-baru ini.

Penyelaras Program yang juga Pensyarah Jabatan Quran dan Sunnah Kuipsas, Asmadi Abdul Rahman berkata, program lawatan Antarabangsa Banda Aceh Darussalam Rentas sejarah Islam sebaik Tsunami memberikan kesedaran kepada penuntut yang mengikuti lawatan berkenaan.

Menurutnya, kesemua peserta bersyukur dengan kesenangan di negara ini selepas melihat kehidupan masyarakat kurang bernasib baik terutama dalam kalangan anak-anak yatim di Aceh.

"Itulah yang dirasai kami semasa sesi lawatan selama seminggu di beberapa kawasan di sekitar Aceh.

"Ia banyak memberi keinsafan kepada rombongan kami sepanjang berada di sana (Aceh). Kita sememangnya bertuah berada di Malaysia," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

Asmadi memaklumkan lawatan itu bertujuan mendedahkan pelajar bagi

meningkatkan kemahiran mereka dalam menguruskan aktiviti antarabangsa di luar negara.

Dalam masa sama, katanya, lawatan ini merupakan keperluan yang ditetapkan untuk memenuhi syarat graduasi.

Tambahnya, sepanjang lawatan, rombongan sempat singgah di beberapa lokasi supaya penuntut dapat beramah mesra serta memberikan khidmat bakti.

"Lokasi yang pertama ialah di Dayah Al-Islah Al-Aziziyah, Banda Aceh yang merupakan penempatan anak yatim seramai 300 anak yatim lelaki dan perempuan.

"Peserta lawatan turut menyumbang buku untuk membuka Mini Pustaka Kuipsas di rumah anak yatim ini," katanya.

Seterusnya, katanya, mereka ke lokasi kedua iaitu ke Dayah Lamcalok Al-Fatta, Banda Aceh yang merupakan pondok pengajian agama.

Asmadi memberitahu sebaik tiba di situ, penuntut telah melakukan khidmat bakti dengan membina Balai Pengajian Kuipsas.

"Balai pengajian itu akan digunakan untuk kegiatan pengajian ilmu di pondok agama ini.

"Sumbangan kewangan juga disampaikan dan diterima oleh Tok Guru kepada pondok itu, Teuku Amiruddin Abdullah," katanya.

**"Ia banyak memberi keinsafan kepada rombongan kami sepanjang berada di sana (Aceh). Kita sememangnya bertuah berada di Malaysia."**

- Asmadi



Penuntut melawat beberapa tempat menarik di kawasan Aceh.



Sebahagian yang menyertai lawatan itu merakam gambar kenangan sepanjang berada di Aceh.

Selepas selesai menjalankan aktiviti khidmat bakti, penuntut meneruskan program dengan mengadakan lawatan akademik ke Fakulti Quran dan Sunnah, Universiti Islam Negeri Ar-Raniri, Banda Aceh.

Dalam pada itu, Asmadi berkata, kunjungan ke Dinas Syariat Islam Aceh turut dilakukan dan rombongan mereka wakil daripada Dinas.

Katanya, banyak maklumat mengenai pelaksanaan undang-undang syariah di Aceh yang dikuat kuasakan oleh agensi ini.

Mereka juga berpeluang melawat

- Info**
- Melawat Dayah Al-Islah Al-Aziziyah dan Dayah Lamcalok Al-Fatta
    - Membina Balai Pengajian Kuipsas
    - Kongsi maklumat mengenai undang-undang syariah

beberapa lokasi menarik seperti Kuburan Massal Tsunami Siron, Rumah Cut Nyak Dhein Pejuang Aceh menentang Belanda dan Makam Syeh Kuala.

Asmadi menyumbangkan buku bagi membolehkan perpustakaan mini Kuipsas dibuka di rumah kebajikan itu.



Peserta membina balai pengajian Dayah Lamcalok Al-Fatta, Banda Aceh untuk dijadikan pondok agama.